



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL TAHUN 2021-2025



Hak cipta Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

Diterbitkan oleh:

**JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL**

Aras 7-10, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62502 Putrajaya

Email : webmaster@perpaduan.gov.my /
hq_bdp@perpaduan.gov.my

Tel : +(6) 03-8883 7000

Fax : +(6) 03-8888 8584

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Dasar dan Perancangan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

KANDUNGAN

PRAKATA	
RINGKASAN TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN	
BAB 1 PENDAHULUAN	
a) Ringkasan Eksekutif	1
b) Latar Belakang Jabatan	2
c) Carta Organisasi	3
d) Teras Perkhidmatan	5
e) Punca Kuasa	6
BAB 2 ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN	
a) Pemegang Taruh, Pelanggan dan Rakan Strategik	8
b) Isu dan Cabaran	9
c) Analisis SWOT dan Matrik Analisis Strategi	11
d) Model Baharu Pengurusan Perpaduan Negara	13
e) Papan Pemuka Analitik Pengurusan Perpaduan Negara	15
f) Konsep 5P	18
BAB 3 HALA TUJU STRATEGIK	
a) Visi, Misi, Moto dan Slogan	21
b) Kajian Semula Pelan Strategik JPNIN 2021-2025	22
BAB 4 PENCAPAIAN TAHUN 2021 - 2023	
a) Sektor Perancangan Strategik	24
b) Sektor Operasi	26
c) Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN)	28
BAB 5 TERAS STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN JPNIN	
Teras Strategi Dan Pelan Tindakan JPNIN 2024-2025	31
a) Teras Strategik 1: Membina Rakyat Yang Patriotik Dan Demokratik	33
i. Strategi 1: Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Cinta Negara	34
b) Teras Strategik 2: Membentuk Identiti Nasional	39
i. Strategi 1: Mengukuhkan Tapak Integrasi Sosial Program	40
ii. Strategi 2: Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama	43
c) Teras Strategik 3: Memperkukuh Ekosistem Perpaduan	45
i. Strategi 1: Memperkukuh Ekosistem Perpaduan yang Mampan bagi Membangun Masyarakat Progresif	48
ii. Strategi 2: Menambah baik Pengurusan Perpaduan Negara	61
iii. Strategi 3: Memperkukuh Jaringan Kolaborasi Strategik	63
iv. Strategi 4: Mendaya Upayakan Kajian Dan Pengukuran Perpaduan	64
d) Teras Strategik 4: Memantapkan Tadbir Urus	68
i. Strategi 1: Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan	69
BAB 6 PELAKSANAAN KE ARAH KEJAYAAN	
Pemantauan dan Penilaian	97
MEMORI DI SEBALIK LENSA	
GLOSARI	

PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Perpaduan.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Kajian Semula Pelan Strategik JPNIN Tahun 2021 - 2025 telah berjaya dihasilkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga JPNIN di atas komitmen yang tinggi untuk menghasilkan pelan ini. Harapan saya dokumen kajian semula ini dapat diterjemahkan kepada gerak kerja baharu warga JPNIN dalam mencapai objektif dan sasaran pelan ini.

Sebanyak 4 Teras Strategik, 8 Strategi, 28 program dan 414 aktiviti telah dirangka dan dirancang dalam tahun 2024 - 2025 untuk memastikan perpaduan dapat dirasai dan dinikmati oleh setiap anggota Masyarakat.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menyampaikan mandat YB Menteri Perpaduan Negara dalam Retreat Kementerian Perpaduan Negara pada 25 November 2023 supaya warga JPNIN:

- Memahami sejarah, ketamadunan serta warisan negara;
- Melahirkan negara bangsa Malaysia yang bersatu padu;
- Peranan penjawat awam sebagai agen perpaduan paling hadapan;
- KRT Progresif dalam menjana pendapatan/ ekonomi;
- Penekanan dari segi keberhasilan atau *outcome* dan prestasi;
- “*From Mission to Actions*” dalam merancang hala tuju 2024;
- Pendekatan SMART (*Specific, Measurable, Achievable, Realistic & Time-bound*) dan FAST (*Frequently discussed, Ambitious, Specific & Transparent*); dan
- Virus perpecahan sebagai ancaman.

Akhir kalam, kejayaan Kajian Semula Pelan Strategik JPNIN 2021 - 2025 ini bergantung kepada semangat dan kerja keras warga JPNIN untuk melaksanakan setiap program dan aktiviti yang telah dirancang dalam pelan ini. Saya mendoakan supaya kita semua diberikan kesihatan yang baik dan semoga kita beroleh pahala yang berlipat kali ganda dalam kita melaksanakan tanggungjawab ini. Sekian, terima kasih.



*YBhg. Dato' Haji Che Roslan
bin Che Daud*

KETUA PENGARAH
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

RINGKASAN

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

	TERAS STRATEGIK	STRATEGI	PROGRAM	AKTIVITI
SEMARAK KENEGARAAN	TS1 MEMBINA RAKYAT YANG PATRIOTIK DAN DEMOKRATIK	S1 Meningkatkan Jati Diri dan Semangat Cintakan Negara	1.1 Penghayatan Rukun Negara TS1S1	13
			1.2 Pendidikan Perpaduan TS1S1	
SEMARAK PERPADUAN	TS2 MEMBENTUK IDENTITI NASIONAL	S1 Mengukuhkan Tapak Integrasi Sosial Program	2.1 Ini Warisan Kita TS2S1	15
			2.2 Citra Merdeka TS2S1	
			2.3 Pemerkasaan Tapak Integrasi Sosial TS2S1	
		S2 Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama	2.4 Harmoni Madani TS2S2	
KOMUNITI RAHMAH	TS3 MEMPERKUKUH EKOSISTEM PERPADUAN	S1 Memperkukuh Ekosistem Perpaduan yang Mampan bagi Membangun Masyarakat Progresif	Pemerkasaan KRT Progresif TS3S1 : 3.1 Ekonomi dan Sara Diri 3.2 Keselamatan dan Ketahanan Komuniti 3.3 Kepimpinan 3.4 Kesejahteraan Komuniti 3.5 Warisan dan Budaya 3.6 Alam Sekitar 3.7 Pembelajaran Sepanjang Hayat 3.8 Daya Cipta	72
			3.9 Mediator Komuniti TS3S2	
			3.10 Pengurusan Perpaduan Negara TS3S2	
			3.11 Kerjasama Strategik TS3S3	
		S2 Menambah baik Pengurusan Perpaduan Negara	3.12 Kajian TS3S4	
		S3 Memperkukuh Jaringan Kolaborasi Strategik		
		S4 Mendaya Upayakan Kajian Dan Pengukuran Perpaduan		
	TS4 MEMANTAPKAN TADBIR URUS	S1 Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan	4.1 Kursus dan Latihan Generik TS4S1	109
			4.2 Kursus dan Latihan Kompetensi Fungsian Pegawai TS4S1	
			4.3 Kursus dan Latihan Komuniti TS4S1	
			4.4 Pengukuhan Kapasiti Dan Keupayaan Organisasi (Pembangunan Modul/Pelan/Soalan) TS4S1	
			4.5 Pembudayaan Inovasi, Kualiti dan Integriti TS4S1	
			4.6 Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan TS4S1	
			4.7 Pemantapan Perundangan TS4S1	
			4.8 Dasar dan Polisi TS4S1	
			4.9 Penerbitan dan Percetakan TS4S1	
			4.10 Promosi Perpaduan TS4S1	
	4	8	28	209

The background of the entire page is a repeating pattern of hexagons. The left half of the page has a white background with light blue hexagons. The right half has a solid blue background with white hexagons. The hexagons are arranged in a staggered grid.

BAB 1

PENDAHULUAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Semula Pelan Strategik Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Tahun 2021 - 2025 (KSPS JPNIN 2021 - 2025) merupakan satu dokumen penting yang memperincikan strategi, hala tuju dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Jabatan bagi menyusun gerak kerja tahun 2024 - 2025 dengan lebih mantap dan lebih bersistematik.

KSPS JPNIN 2021 - 2025 bersandarkan tiga (3) dokumen utama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) iaitu Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021 - 2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 - 2030 dalam pelaksanaan program-program untuk kumpulan sasar. Pelan ini juga telah disesuaikan dengan aspirasi Malaysia MADANI yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Perpaduan pada 19 Januari 2023 dan juga Kerangka Pelan Tindakan Kementerian Perpaduan Negara. KSPS JPNIN 2021 - 2025 ini juga diterapkan Gerak Kerja Pengurusan Perpaduan Negara dalam setiap aktiviti perpaduan iaitu Konsep 5P: Penggalakan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Penilaian.


Dalam tempoh 2 tahun 2021 - 2022, tahap perpaduan rakyat Malaysia yang diukur melalui Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022 mencatat skor 0.629 iaitu pada tahap sederhana dan terkawal. Meskipun pelbagai langkah telah diambil dan pelbagai program perpaduan telah dilaksanakan, namun beberapa isu dan cabaran masih wujud dan perlu ditangani secara berkesan. Antara isu yang dikenal pasti termasuklah kurang interaksi sosial rentas etnik dalam kalangan masyarakat serta kurang pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Walau bagaimanapun, cabaran ini perlu terus ditangani bagi memastikan keberhasilan yang disasarkan tercapai. Oleh itu, strategi, hala tuju dan langkah-langkah yang digariskan dalam PS JPNIN 2021 - 2025 sedia ada perlu disemak semula supaya ia kekal relevan dan selari dengan hala tuju baharu Kementerian Perpaduan Negara dan Kerajaan Perpaduan.

4 Teras Strategik yang difokuskan KSPS JPNIN 2021 - 2025 ini adalah seperti berikut:


- a) Teras Strategik 1: Membina Rakyat yang Patriotik dan Demokratik;
- b) Teras Strategik 2: Membentuk Identiti Nasional;
- c) Teras Strategik 3: Mengukuh Ekosistem Perpaduan; dan
- d) Teras Strategik 4: Memantapkan Tadbir Urus

Berdasarkan 4 Teras Strategik ini, JPNIN telah memfokuskan kepada 8 Strategi dan 28 Program.

LATAR BELAKANG



TAHUN



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ditubuhkan pada 1 Julai 1969 setelah Majlis Gerakan Negara yang dipengerusikan oleh Mantan Perdana Menteri Kedua Allahyarham Tun Abd Razak memutuskan agar diwujudkan sebuah jabatan untuk memantau isu dan masalah perpaduan kaum yang mengganggu-gugat kestabilan negara dan keharmonian masyarakat pada masa itu.

CARTA ORGANISASI



**KETUA PENGARAH
(GRED UTAMA B)**

DATU' HJ. CHE ROSLAN BIN CHE DAUD



**INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN
INTEGRASI NASIONAL
(S54)**

KOSONG



**TIMB. KETUA PENGARAH
PERANCANGAN
(M54)**

MOHD FARDHI BIN AHMAD

SEKTOR PERANCANGAN



**BAHAGIAN
DASAR DAN
PERANCANGAN
(PTD M52 /
PPM S52)**

KOSONG



**BAHAGIAN
PENGURUSAN
PERPADUAN
(S48)**

NORWAHIDA BT.
ZINALIBDIN



**BAHAGIAN
KEHARMONIAN
ANTARA
PENGANUT
AGAMA
(S48)**

ZARINA BT.
ZAKARIA



**BAHAGIAN
KHIDMAT
PENGURUSAN
(M52)**

DR. NAZIRA BT.
ABDUL RAHMAN



**BAHAGIAN
TEKNOLOGI
MAKLUMAT
(F48)**

SUWANDY B.
PAIRAN



**BAHAGIAN
KORPORAT
(PEGAWAI
PENERANGAN
S48)**

TENGKU NOR
LIZA BT.
TENGKU YAHYA



**UNIT
INTEGRITI
(M44)**

NURUL ATIELIA
BT. MOHD
SHAFIAN



**BAHAGIAN
PERHUBUNGAN
MASYARAKAT
DAN KEJIRANAN
(S52)**

SAFIDAH BT.
ABU SAMAH



**BAHAGIAN
KESEPADUAN
SOSIAL DAN
INTEGRASI
NASIONAL
(S52)**

FAIROJIBANU
BT. ZAINAL
ABIDIN



**TIMB. KETUA PENGARAH
OPERASI
(JUSA C)**

ZULKIFLI BIN HASHIM

SEKTOR OPERASI



**TIMBALAN
PENGARAH
PENGURUSAN
(M48)**

RAJENDRA
CHOLAN AIL
KATHIR VELAN



**TIMBALAN
PENGARAH
PEMBANGUNAN
LATIHAN
(S48)**

NURUL
AKMALINA BT.
SHAMSUDDIN



**TIMBALAN
PENGARAH
KAJIAN
(S48)**

MARLINA BT.
TERMUDI

**16 PENGARAH
PERPADUAN
NEGERI**

**101 PEGAWAI
PERPADUAN DAERAH**

PENGARAH PERPADUAN NEGERI



JPNIN SARAWAK	JPNIN JOHOR	JPNIN PERAK	JPNIN SELANGOR	JPNIN WP KUALA LUMPUR	JPNIN PULAU PINANG
DIWARNA B. AZOOL (S52)	SURAYA BT. WEN (S52)	MANSOR B. MOHD HASHIM (S52)	BURHANUDDIN B. H.J. DAUD (S52)	DR. BEH SANG HOW (S52)	ROHAI ZAHAR B. NEDI (S52)




JPNIN SABAH	JPNIN NEGERI SEMBILAN	JPNIN TERENGGANU	JPNIN PAHANG	JPNIN MELAKA	JPNIN KEDAH	JPNIN KELANTAN
DELIN LIET ANAK BLAUN (S48)	SALASIAH BT. HASHIM (S48)	MOHD ROSLI B. ALIAS (S48)	AMIRA BT. ABDULLAH (S48)	INTAN SUHANA BT. YUSUFF (S48)	AHMAD PUAT B. JUNUS (S48)	KOSONG (S48)



JPNIN WP PUTRAJAYA	JPNIN WP LABUAN	JPNIN PERLIS
RUZYLAWATI BT. MUSTAPHA KAMAR (S44)	ESTHER DINGKAWAN (S44)	HANITA BT. AHMAD (S44)

TERAS PERKHIDMATAN



PUNCA KUASA

Asas Pembangunan Pelan Strategik JPNIN 2021 - 2025



Dasar Perpaduan Negara (DPN) ialah satu dokumen strategi jangka panjang dan usaha berterusan yang dirancang untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur. Bagi masyarakat yang berbilang etnik, agama dan budaya, perpaduan perlu menjadi agenda utama agar keamanan dan kelangsungan pembangunan negara terjamin, sekali gus mempertahankan kedaulatan negara.

Tunjang kepada teras dan strategi DPN ialah Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kedua-duanya merupakan tulang belakang pembangunan Malaysia dan menjadi panduan kepada semua dasar Kerajaan. Sejarah dan semangat di sebalik Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat.

DPN adalah inisiatif berterusan Kerajaan dalam meneraju agenda perpaduan melalui pelaksanaan tiga teras perpaduan dan disokong oleh 12 strategi sebagai usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia yang patriotik, demokrasi dan berkeperibadian tinggi, membangunkan identiti nasional yang mempunyai cita-cita sepunya serta mengukuhkan ekosistem perpaduan negara.

Pelan Strategik Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional 2021-2025 dirancang dan dihasilkan berlandaskan kepada 3 dokumen utama Kementerian Perpaduan Negara iaitu:

- Dasar Perpaduan Negara;
- Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021 - 2030; dan
- Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 - 2030.



Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021 - 2030 merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik untuk mencapai objektif Dasar Perpaduan Negara. Rangka tindakan ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai. Ia menjadi rujukan dalam penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) bagi tempoh 5 tahun mendatang.

Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021 - 2030 menggariskan 3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategik, serta menetapkan sasaran yang hendak dicapai dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara yang kita cintai ini.

Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021 - 2030 disusun atur berteraskan cita-cita Rukun Negara kerana semenjak diperkenalkan pada tahun 1970 sehingga sekarang lazimnya lima (5) prinsip Rukun Negara sahaja yang ditonjolkan tetapi lima (5) cita-cita dalam mukadimah yang dianggap roh kepada Rukun Negara kurang diberi perhatian.

PTPN 2021 - 2030 ini menerapkan iltizam sebenar negara dalam membina perpaduan yang diidamkan dengan menggerakkan proses penyatupaduan secara menyeluruh. Oleh itu, PTPN 2021 - 2030 ini diolah dan disesuaikan dengan 'acuan Malaysia' yang mengutamakan individu, keluarga dan komuniti yang tersulam dalam sejarah, struktur sosial dan biografi rakyat negara ini dengan menggunakan tiga (3) pendekatan.

Pertama, membangunkan asas teras strategik PTPN 2021 - 2030 yang bertonggakkan cita-cita Rukun Negara.

Kedua, menyusun strategi PTPN 2021 - 2030 berlandaskan dasar-dasar utama negara yang dihasratkan Kerajaan.

Ketiga, membangunkan strategi dan program PTPN berdasarkan input dan maklum balas yang diperolehi menerusi sesi maklum balas dan konsultasi dengan pelbagai kementerian, agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta serta cetusan suara rakyat daripada pelbagai latar belakang dan lokaliti di seluruh negara.



The background of the entire page is a light yellow color with a repeating pattern of hexagons. Some hexagons are solid yellow, while others are outlined in a slightly darker yellow. The pattern is more dense on the left side and fades towards the right.

BAB 2

ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN

PEMEGANG TARUH, PELANGGAN DAN RAKAN STRATEGIK

Pemegang Taruh

Jemaah Menteri

Menteri
Perpaduan Negara

Timbalan Menteri
Perpaduan

Kementerian
Perpaduan Negara

Majlis Penasihat
Perpaduan Negara

Ahli MExUnity

Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) telah ditubuhkan di peringkat kebangsaan bagi menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan. Pelantikan ahli-ahli MPPN dibuat oleh YAB Timbalan Perdana Menteri II bagi tempoh selama dua (2) tahun dan majlis akan bersidang setiap dua (2) kali setahun. MPPN dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri II manakala sekretariat bagi majlis ini adalah Kementerian Perpaduan Negara. Keahlian MPPN terdiri dari tokoh-tokoh masyarakat yang merangkumi pelbagai sektor termasuk dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan.

Majlis Mesyuarat YB Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Negeri Sabah Dan Sarawak serta EXCO-EXCO Perpaduan Negeri (MExUnity) telah ditubuhkan di peringkat kementerian untuk menyokong MPPN. MExUnity dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan Negara manakala keahliannya adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio Perpaduan di setiap negeri dan EXCO Hal-Ehwal Agama Selain Islam. Ahli-ahli Jawatankuasa ini dilantik oleh YB Menteri Perpaduan Negara. Jawatankuasa ini akan bersidang setiap dua (2) kali setahun manakala sekretariat bagi Jawatankuasa ini adalah Kementerian Perpaduan Negara.

Pelanggan



Rakan Strategik



ISU DAN CABARAN

DEFISIT SOSIAL



- ❖ Defisit sosial bermakna kekurangan dalam konteks sosial yang memerlukan usaha penyatupaduan berterusan untuk meningkatkan tahap kesepaduan.
- ❖ Kekurangan ini disebabkan jurang perbezaan persepsi dan pendapat dalam kalangan kelompok yang berbeza bermula dengan individu, keluarga dan Masyarakat.

ANALISIS SWOT

SWOT ANALISIS ISU & CABARAN JPNIN

KEKUATAN (STRENGTH)

1. **Jentera perpaduan** yang kukuh diperingkat akar umbi yang merangkumi pelbagai peringkat umur, kaum dan gender.
2. Komitmen dan kerjasama strategik dari pelbagai agensi.
3. **Akta, Dasar dan Garis Panduan** yang komprehensif.
4. Pelaksanaan program berskala kecil yang tinggi khususnya dalam kawasan RT.

KELEMAHAN (WEAKNESSES)

1. Peruntukan kewangan dan sumber manusia yang terhad (cth: penyelenggaraan premis/ peralatan keselamatan).
2. Kurang penyertaan dan penglibatan pelbagai kaum dalam aktiviti.
3. Tahap kompetensi pegawai dan jentera Perpaduan adalah rendah disebabkan oleh kekurangan Latihan.
4. Promosi, publisiti dan komunikasi yang lemah dan kurang berkesan.

ANCAMAN (THREAT)

1. Dasar Persekutuan-Negeri tidak sehaluan (cth: RT diletakkan di bawah MPKK).
2. Persaingan dan konflik antara organisasi di peringkat komuniti (cth: MPKK, Persatuan Penduduk dan KRT).
3. Masyarakat mengutamakan *survival* kehidupan berbanding penglibatan dalam program kesukarelawanan / kemasyarakatan.
4. Penggunaan teknologi ICT yang kurang dimanfaatkan sepenuhnya oleh Jentera Perpaduan (cth: e-SEPAKAT).

PELUANG (OPPORTUNITY)

1. Semua program JPNIN boleh menyumbang kepada kenaikan indeks dalam dan luar negara (**IPNAS, Indeks Keharmonian Masyarakat, Global Peace Index, Indeks Kebahagiaan**).
2. Memanfaatkan dasar semasa Kerajaan (Kerajaan Perpaduan/ Malaysia MADANI) yang memberi keutamaan kepada usaha mengukuhkan perpaduan negara.
3. Mengaplikasi model dan pendekatan baharu dalam menguruskan isu perpaduan (Gerak Kerja 5P - Penggalakan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Penilaian).
4. Memanfaatkan teknologi digital secara efektif (SISMAP/ e-Sepakat dan Papan Pemuka Analitik Perpaduan) bagi melaksanakan program perpaduan secara bersasar dan berimpak tinggi.

MATRIKS ANALISIS STRATEGI



ANALISIS STRATEGI

S(STRENGTH) - KEKUATAN

1. Jentera perpaduan yang kukuh diperingkat akar umbi.
2. Komitmen dan kerjasama strategik dari pelbagai agensi.
3. Akta, Dasar dan Garis Panduan yang komprehensif.
4. Pelaksanaan program berskala kecil yang tinggi khususnya dalam kawasan RT.

W (WEAKNESSES) - KELEMAHAN

1. Peruntukan kewangan dan sumber manusia yang terhad (cth: penyelenggaraan premis/ peralatan keselamatan).
2. Kurang penyertaan dan penglibatan pelbagai kaum dalam aktiviti.
3. Tahap kompetensi pegawai dan jentera Perpaduan adalah rendah disebabkan oleh kekurangan Latihan.
4. Promosi, publisiti dan komunikasi yang lemah dan kurang berkesan.

O (OPPORTUNITY) - PELUANG

1. Semua program JPNIN boleh menyumbang kepada kenaikan indeks dalam dan luar negara (IPNAS, Indeks Keharmonian Masyarakat, *Global Peace Index*, Indeks Kebahagiaan).
2. Memanfaatkan dasar semasa Kerajaan (Kerajaan Perpaduan/ Malaysia MADANI) yang memberi keutamaan kepada usaha mengukuhkan perpaduan negara.
3. Mengaplikasi model dan pendekatan baharu dalam menguruskan isu perpaduan (Gerak Kerja 5P - Penggalakan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Penilaian).
4. Memanfaatkan teknologi digital secara efektif (SISMAP/ e-Sepakat dan Dashboard Analitik Perpaduan) bagi melaksanakan program perpaduan secara bersasar dan berimpak tinggi.

Strategi SO: Ciptakan strategi yang menggunakan kekuatan untuk memanfaatkan peluang

- Dengan adanya Jentera perpaduan yang kukuh diperingkat akar umbi yang merangkumi pelbagai peringkat umur, kaum dan *gender* maka:
 - i. Program JPNIN dapat menyumbang kepada kenaikan indeks perpaduan;
 - ii. Isu-isu perpaduan dapat diuruskan secara efektif ; dan
 - iii. Memanfaatkan teknologi digital secara optimum.

Strategi WO: Ciptakan strategi yang meminimumkan kelemahan untuk memanfaatkan peluang

- Semua program perpaduan menggunakan pendekatan strategi 5C iaitu Penghubung Jalin, Penyelaras, Pendamai, Rakan Usaha Sama dan Pembina Upaya.

MATRIKS ANALISIS STRATEGI



ANALISIS STRATEGI

S(STRENGTH) - KEKUATAN

1. Jentera perpaduan yang kukuh diperingkat akar umbi yang merangkumi pelbagai peringkat umur, kaum dan gender.
2. Komitmen dan kerjasama strategik dari pelbagai agensi.
3. Akta, Dasar dan Garis Panduan yang komprehensif.
4. Pelaksanaan program berskala kecil yang tinggi khususnya dalam kawasan RT.

W (WEAKNESSES) - KELEMAHAN

1. Peruntukan kewangan dan sumber manusia yang terhad (cth: penyelenggaraan premis/ peralatan keselamatan).
2. Kurang penyertaan dan penglibatan pelbagai kaum dalam aktiviti.
3. Tahap kompetensi pegawai dan jentera Perpaduan adalah rendah disebabkan oleh kekurangan latihan
4. Promosi, publisiti dan komunikasi yang lemah dan kurang berkesan.

T (THREAT) - ANCAMAN

1. Dasar Persekutuan-Negeri tidak sehaluan (cth: RT diletakkan di bawah MPKK).
2. Persaingan dan *conflict* antara organisasi di peringkat komuniti (cth: MPKK, Persatuan Penduduk dan KRT).
3. Masyarakat mengutamakan *survival* kehidupan berbanding penglibatan dalam program kesukarelawanan / kemasyarakatan.
4. Penggunaan teknologi ICT yang kurang dimanfaatkan sepenuhnya oleh Jentera Perpaduan (cth: e-SEPAKAT).

Strategi ST: Ciptakan strategi yang menggunakan kekuatan untuk mengatasi ancaman

- Meminda Akta, Dasar dan Garis Panduan supaya Jentera Perpaduan dapat diperkasakan bagi memberi impak yang signifikan kepada komuniti.

Strategi WT: Ciptakan strategi yang meminimumkan kelemahan dan menghindari ancaman

- Menyebarluaskan promosi, publisiti dan komunikasi untuk menyemarakkan agenda perpaduan melalui ICT dan media arus perdana.

MODEL BAHARU PENGURUSAN PERPADUAN NEGARA

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ditubuhkan pada 1 Julai 1969 susulan dari konflik perkauman 13 Mei 1969. Bertujuan menguruskan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat dan negara.

Mekanisme atau *tools* utama adalah melalui pelaksanaan program (programme-based). Setelah beberapa dekad penubuhan, pelaksanaan program banyak bertumpu kepada pengurusan jentera perpaduan seperti Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan dan sebagainya.

Pewujudan Bahagian Pengurusan Perpaduan (BPP) pada tahun 2009 dilihat sebagai satu langkah yang proaktif bagi memantapkan pengurusan perpaduan oleh JPNIN, namun begitu, keberhasilannya dilihat masih samar-samar.

Gerak kerja pengurusan perpaduan sebelum ini didapati tidak bersifat inklusif dan holistik. Pendekatan 4P – **Pengesanan, Pemantauan, Pencelahan dan Penggalakan** dilihat hanya dalam skop BPP dan bukan Jabatan.

Penggunaan data atau maklumat juga hanyalah tertumpu kepada e-Sepakat dan bukan secara menyeluruh. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk JPNIN mempunyai model baharu di dalam mengurus perpaduan negara selari dengan matlamat asal penubuhan JPNIN.

MODEL BAHARU

Model Baharu berasaskan kepada 2 elemen:

- i. Gerak Kerja 5P iaitu **Penggalakan, Pencegahan, Pencelahan, Pemulihan dan Penilaian**; dan
- ii. Pemacuan Data (*Data Driven*) melalui Papan Pemuka Analitik (*Analytical Dashboard*)

Gerak Kerja 5P adalah bersifat inklusif dan holistik. Ianya juga selaras dengan Kajian Semula Pelan Strategik JPNIN 2021-2025.

MODEL BAHARU

Berasaskan kepada dua (2) elemen:


❖ Gerak Kerja 5P:
i. Penggalakan
ii. Pencegahan
iii. Pencelahan
iv. Pemulihan
v. Penilaian



❖ Pemacuan Data (*Data Driven*): melalui Papan Pemuka Analitik (*Analytical Dashboard*)


- Gerak Kerja 5P adalah bersifat inklusif dan holistik.
- Ianya juga selaras dengan Kajian Semula Pelan Strategik JPNIN 2021-2025 (Teras Strategik Tiga: Memperkukuh Ekosistem Perpaduan Negara, Strategi 2: Menambah baik Pengurusan Perpaduan Negara)

MODEL BAHARU




PAPAN PEMUKA ANALITIK PENGURUSAN PERPADUAN NEGARA

Pemacuan data (data driven) dari sumber *primary* (lapangan) dan *secondary* (internet khususnya media sosial). Data-data ini tidak terhad kepada e-Sepakat tapi meliputi dapatan IPNas, IKM dan Jentera Perpaduan di dalam SISMAP. Data-data ini akan dikumpul, dianalisa dan dipetakan melalui Papan Pemuka Analitik (Analytical Dashboard) di Ibu Pejabat, JPNIN. Hasil dari proses pemetaan (mapping), proses padanan (matching) akan dilakukan bagi menentukan kesesuaian program dan aktiviti yang akan dilaksanakan di lapangan iaitu di negeri, daerah dan KRT dan sebagainya.




Rajah 1.1: Peta Petunjuk Perpaduan

PAPAN PEMUKA ANALITIK PENGURUSAN PERPADUAN NEGARA



Rajah 1.2: Peta Pengurusan Perpaduan



Rajah 1.3: Peta Jentera Perpaduan



Malaysia masih belum mencapai tahap perpaduan yang jitu (bangsa Malaysia) sepertimana yang digariskan di dalam Wawasan 2020. Keadaan masyarakat yang semakin kompleks dan perkembangan teknologi maklumat yang sentiasa berubah, menuntut satu perubahan minda dan gerak kerja warga JPNIN secara total. Model sedia ada pengurusan perpaduan negara perlu ditambahbaik demi memastikan usaha mengurus perpaduan dan keharmonian masyarakat dan negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Model Baharu Pengurusan Perpaduan Negara, Gerak Kerja 5P, dilihat lebih bersifat inklusif dan holistik. Pelaksanaan program berasaskan pemacuan data (data driven) disamping proses pemetaan dan padanan (mapping & matching) melalui Papan Pemuka Analitik (Analytical Dashboard) akan memastikan ianya tepat kepada kumpulan sasar.

Kombinasi pelaksanaan program berasaskan Gerak Kerja 5P dan pemacuan data (data driven) akan melonjakkan pencapaian JPNIN di dalam menguruskan perpaduan dan keharmonian di dalam masyarakat dan negara.

KONSEP 5P

PENGGALAKAN

Sambutan Minggu Perpaduan, Program HARMONI, Debat Perpaduan, Jiranku Keluargaku

Pelaksanaan Program *Flagship* Kembara Perpaduan Malaysia Madani yang diterajui KPN merangkumi tiga (3) kluster utama iaitu Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah yang merupakan inisiatif ke arah memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat serta negara secara berterusan.



PENCEGAHAN

Isu Agama, Perkauman, Keselamatan, Kenyataan Berbaur Kebencian, Politik, Tadbir Urus dan Pembangunan



Pembentukan Negara Bangsa masih belum berjaya sepenuhnya. Pelbagai cabaran seperti iklim politik dan ekonomi yang tidak stabil dan penggunaan media sosial tanpa batasan menyebabkan isu-isu sensitif khususnya 3R (Royalty, Race & Religion) masih dimainkan oleh pihak tidak bertanggungjawab. Pendekatan 'fire fighting approach' tidak lagi sesuai dilaksanakan oleh JPNIN dalam menangani isu-isu yang berpotensi menggugat perpaduan negara.

Justeru itu, pendekatan mencegah adalah lebih baik daripada mengubati (prevention is better than cure). Ke arah itu, JPNIN akan memanfaatkan penggunaan ICT melalui pembangunan Sistem e-Sepakat sebagai pusat pengumpulan data mengenai isu-isu perpaduan. Kutipan data yang bersaiz besar (Big Data) di lapangan akan dipantau melalui Analytical Dashboard menggunakan teknologi terkini iaitu Kecerdasan Buatan (AI). Data ini akan digunakan bagi merangka langkah-langkah intervensi bagi mengekang penularan isu-isu tersebut supaya tidak bertukar menjadi konflik.

KONSEP 5P

PENCELAHAN

Rondaan SRS, Tuisyen KAMI, Mediasi Komuniti, Dialog Keharmonian Antara Penganut Agama

Intervensi sosial melibatkan kerjasama rentas agensi yang dilaksanakan sebagai kaedah pencelahan terhadap isu, konflik atau insiden yang telah berlaku dan akan berlaku dengan tujuan mencegah insiden tersebut daripada merebak. Pencelahan juga diadakan bertujuan untuk mententeramkan suasana tegang demi menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat.



PEMULIHAN

Program Sayangi Komuniti, Silang Budaya, Cakna Komuniti, Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN).

Pelaksanaan program jangka panjang secara berterusan perlu dilaksanakan di kawasan berisiko dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan kawasan tersebut kembali pulih dan ancaman yang sama tidak berulang di masa hadapan supaya ekosistem perpaduan serta keharmonian masyarakat kekal terpelihara.



PENILAIAN

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM)

Pelaksanaan penilaian berbentuk Kajian Impak dan laporan yang komprehensif disediakan bagi memastikan keberkesanan ke atas tindakan pengurusan isu, insiden atau konflik di peringkat akar umbi. Contoh alat pengukuran yang boleh digunakan bagi membuat penilaian ialah Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM) dan Kajian Keberkesanan Program.





BAB 3

HALA TUJU STRATEGIK

VISI, MISI, MOTO DAN SLOGAN



VISI

Peneraju Perpaduan Yang
Inklusif ke arah Kemakmuran
Bersama



MISI

Meningkatkan Usaha Baharu
Penyatupaduan Untuk Membina
Tapak Integrasi Bagi Pengukuhan
Semangat Muhibah Dalam
Kalangan Rakyat



MOTO

Bersatu Kita Maju



SLOGAN

Membudayakan Perpaduan,
Meraikan Kepelbagaian

KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL 2021-2025

Kajian Semula Pelan Strategik JPNIN 2021-2025 (KSPS JPNIN 2021-2025) bersandarkan kepada 3 dokumen dasar KPN iaitu Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030.

Terdapat enam (6) Teras Strategik dalam Pelan Strategik JPNIN 2021-2025 sedia ada, manakala dalam KSPS JPNIN 2021-2025, bilangan Teras Strategik telah disusun semula kepada empat (4) Teras Strategik dan lapan (8) Strategi.

Selain itu, setelah tempoh 3 tahun PS JPNIN 2021-2025 dibangunkan, ia perlu disemak dan dikaji semula bagi memastikan segala perancangan yang dibuat sentiasa relevan dan dikemaskini dengan mengambil kira Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan peruntukan di bawah Belanjawan Tahun 2024.

KAJIAN SEMULA TERAS STRATEGIK				
KAJIAN SEMULA TERAS STRATEGIK 2021 - 2025	TS1	TS2	TS3	TS4
	Membina Rakyat Yang Patriotik Dan Demokratik	Membentuk Identiti Nasional	Memperkuh Ekosistem Perpaduan	Memantapkan Tadbir Urus
TERAS STRATEGIK 2021 - 2025	TS2	TS5	TS1	TS6
	Menguuhkan Patriotisme Ke Arah Keutuhan Negara	Membudayakan Muhibah Dan Integrasi Nasional Bagi Meningkatkan Kefahaman Kepelbagaian Dan Sensitiviti Masyarakat	Memantapkan Perpaduan Ke Arah Kemakmuran Dan Kesejahteraan Negara	Menguuhkan Kecekapan Organisasi Ke Arah Penyampaian Perkhidmatan yang Berkualiti
			TS3	
			Memperkasakan Khidmat Komuniti Untuk Meningkatkan Kesejahteraan Sosial	
			TS4	
			Meningkatkan Keselamatan Dan Keharmonian Komuniti.	

Secara ringkasnya, Pelan ini dikaji semula atas beberapa faktor berikut :

- Pelan yang dirancang tidak dapat dan sukar dilaksanakan atas faktor-faktor tertentu dan perlu digugurkan;
- Penggubalan strategi dan pelan tindakan baharu yang lebih holistik dan komprehensif perlu ditambahbaik;
- Menambah baik dan mengemaskini program-program dan strategi baharu yang tidak terdapat dalam pelan terdahulu selari dengan dasar dan kehendak yang telah diperkenalkan oleh kerajaan;
- Meneliti semula strategi dan program agar selari dengan kehendak pemegang taruh; dan
- Memperkemarkan mekanisme dan merancang tadbir urus supaya lebih sistematik.


The background features a vertical split design. The left half is white, and the right half is a solid reddish-brown color. Overlaid on both halves is a pattern of hexagons. Some hexagons are solid in the reddish-brown color, while others are white with a thin reddish-brown outline. The hexagons are arranged in a staggered, honeycomb-like fashion.

BAB 4

PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

PENCAPAIAN TAHUN 2021 – 2023

SEKTOR PERANCANGAN STRATEGIK




Carta Bar 1.1: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Perancangan Strategik Keseluruhan Mengikut Bilangan Program

PERKARA	2021	2022	2023
Bilangan Program	6	20	26
Bilangan Sasaran/ Indikator	44	5132	155
Peratus Sasaran/ Indikator	100%	100%	100%
Bilangan Pencapaian Sasaran/ Indikator	44	5132	154
Pertambahan/ Pengurangan	0.0%	0.0%	-0.6%
Peratus Pencapaian Sasaran/ Indikator	100.0%	100.0%	99.4%

Jadual 1.1: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Perancangan Strategik Keseluruhan Mengikut Bilangan Program

PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

SEKTOR PERANCANGAN STRATEGIK




Carta Bar 1.2: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Perancangan Strategik Keseluruhan Mengikut Teras Strategik

		TS1	TS2	TS3	TS4	TS5	TS6	Jumlah
2021-2023	Bilangan Program			8	6	12	26	52
	Bilangan Sasaran/ Indikator			64	46	5147	74	5331
	Peratus Sasaran/ Indikator			1.2%	0.9%	96.5%	1.4%	100%
	Bilangan Pencapaian Sasaran/ Indikator			64	45	5147	74	5330
	Pertambahan/ Pengurangan			0.0%	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%
	Peratus Pencapaian Sasaran/ Indikator			1.2%	0.84%	96.5%	1.4%	99.98%

Jadual 1.2: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Perancangan Strategik Keseluruhan Mengikut Teras Strategik

PENCAPAIAN TAHUN 2021 – 2023

SEKTOR OPERASI




Carta Bar 2.1: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Operasi Keseluruhan Mengikut Bilangan Program

PERKARA	2021	2022	2023
Bilangan Program	27	74	65
Bilangan Sasaran/ Indikator	56083	29596	27786
Peratus Sasaran/ Indikator	100%	100%	100%
Bilangan Pencapaian Sasaran/ Indikator	111395	33634	33715
Pertambahan/ Pengurangan	98.6%	13.6%	21.3%
Peratus Pencapaian Sasaran/ Indikator	198.6%	113.6%	121.3%

Jadual 2.2: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Operasi Keseluruhan Mengikut Bilangan Program

PENCAPAIAN TAHUN 2021-2023

SEKTOR OPERASI



Carta Bar 2.2: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Operasi Keseluruhan Mengikut Teras Strategik

		TS1	TS2	TS3	TS4	TS5	TS6	Jumlah
2021-2023	Bilangan Program	66	29	16	45	9	1	166
	Bilangan Sasaran/ Indikator	76286	7255	7659	22208	56	1	113465
	Peratus Sasaran/ Indikator	67.2%	6.4%	6.8%	19.6%	0.05%	0.001%	100%
	Bilangan Pencapaian Sasaran/ Indikator	134842	7255	8748	27834	64	1	178744
	Pertambahan/ Pengurangan	51.6%	0.0%	1.0%	5.0%	0.01%	0.0%	57.5%
	Peratus Pencapaian Sasaran/ Indikator	118.8%	6.4%	7.7%	24.5%	0.1%	0.001%	157.5%

Jadual 2.2: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Sektor Operasi Keseluruhan Mengikut Teras Strategik

PENCAPAIAN TAHUN 2021 – 2023

INSTITUT KAJIAN DAN LATIHAN




Carta Bar 3.1: Pencapaian Prestasi Tahun 2021-2023 Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional Keseluruhan Mengikut Bilangan Program

PERKARA	2021	2022	2023
Bilangan Program	9	40	67
Bilangan Sasaran/ Indikator	18	40	74
Peratus Sasaran/ Indikator	100%	100%	100%
Bilangan Pencapaian Sasaran/ Indikator	18	40	54
Pertambahan/ Pengurangan	0.0%	0.0%	-27.0%
Peratus Pencapaian Sasaran/ Indikator	100.0%	100.0%	73.0%

